

Ucapan : Photo
532
15/1/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran
Di-Pembukaan Resmi Bangunan
Sekolah Kebangsaan Kampong Jawa,
Pulau Pinang pada 10hb. Jun, 1972
jam 10.00 pagi

1. Terlebeh dahulu saya ucapkan terima kaseh kepada pehak sekolah ini yang telah menjemput saya dan isteri saya hadzir dalam majlis yang bersejarah ini dan telah pula memberi kehormatan kepada saya untok menyampaikan sa-patah dua kata dan saterus-nya melakukan upachara perasmian bangunan Sekolah Kampong Jawa ini.
2. Saya telah di-fahamkan bahawa Sekolah Kebangsaan Kampong Jawa ini ada-lah satu2-nya Sekolah Kebangsaan yang tertua di-negeri ini dan sudah tentu sekolah ini telah menempoh pertukaran zaman dan telah mengalami beberapa perubahan. Dengan pengalaman2 yang telah di-alami itu, sekolah ini sudah tentu dapat menchatit sejarah-nya dan harus berbangga kerana telah dapat mengeluarkan hasil2 yang baik. Saya yakin bahawa ramai di-antara ahli2 masharakat yang berjaya

di-Pulau Pinang ada-lah terdiri dari keluaran sekolah ini.

3. Menyentuh tentang perubahan2, saya suka menarik perhatian tuan2 dan puan2 kepada perubahan yang di-dapati dalam sistem pelajaran di-negara kita ini. Perubahan2 ini telah bergerak dengan pesat-nya, perubahan2 ini pula telah membawa beberapa pembaharuan untuk menyesuaikan kehendak2 dan nilai satu2 masa itu. Sekolah2 Kebangsaan khas-nya, telah menerima beberapa perubahan dari segala aspek, baik dari segi bangunan-nya seperti mana yang kita sama2 saksikan pada hari ini, mahu pun isi dan mutu pelajaran yang di-sampaikan kepada anak2 di-sekolah ini.

4. Kita harus berbangga bahawa perkembangan dan kemajuan Pelajaran Kebangsaan telah dapat mengambil tempat-nya yang utama, dan hasil2 keluaran dari sistem ini boleh di-buat perbandingan dengan sistem pelajaran2 di-negara2 lain yang telah maju. Sistem Pelajaran Kebangsaan ada-lah memainkan peranan yang penting

untuk membena satu bangsa yang dinamik, bersifat jujur dan ikhlas dan bersatu padu.

5. Dalam perkembangan2 yang di-sebutkan itu, bukan sahaja guru2 dan murid2 yang perlu mengikuti dan meni'mati perubahan2, tetapi kita juga mengharapkan bahawa ibu bapa dan masharakat juga perlu mengikuti perubahan2 ini. Kita sebagai ibu bapa yang mempunyai anak2 di-sekolah pada masa ini tidak seharusnya membuat satu2 ukoran kemajuan pelajaran itu dengan berdasarkan chara atau sistem pelajaran yang kita alami semasa kita bersekolah dahulu. Sunggoh pun pada asas-nya konsep satu2 mata-pelajaran itu sama, tetapi kaedah dan chara2 pengertian harus berubah dengan ada-nya perkembangan Sains dan Teknologi di-sekeliling kita pada hari ini.

6. Dalam zaman perubahan ini Ilmu Pengetahuan tidak hanya di-dapati di-bilek2 darjah sahaja. Ilmu pengetahuan yang merupakan pengalaman2 yang matang ada-lah di-perolehi di-luar bilek2 darjah di-mana kanak2

itu sendiri berpeluang memerhati, mengamati, dan mengalaminya sendiri. Maka apa yang perlu kita tegaskan ialah unsur2 pelajaran dan pengetahuan yang dapat di-rasai oleh anak2 kita di-luar bilek darjah. Kementerian Pelajaran telah berusaha ka-arrah ini dengan menggalakkan anak2 kita berlateh melengkapkan diri untuk memenohi semua lapangan hidup. Kita, mithal-nya, telah menubuhkan Majlis Sukan Sekolah2 di-mana anak2 kita di-beri latehan dalam lapangan Sukan dan Olahraga. Dalam lapangan ini bukan sahaja anak2 itu di-lateh supaya chekap dalam satu2 aspek permainan, tetapi juga di-lateh mensesuaikan diri untuk hidup dalam masharakat yang akan di-tempohi-nya. Menerusi sukan mereka di-tunjok chara2 hidup bergotong-royong, chara2 patoh kepada undang2 dan peratoran, chara2 menghormati ketua2, chara men-tenteramkan perasaan apabila mengalami kemenangan atau kekalahan.

7. Dalam aktibiti2 lain pula, saperti pameran2 Pelajaran, Expo Pendidikan, guru2 dan murid2 berpeluang

mengadakan perhubungan dengan chara informal, berbinchang dan bertukar2 fikiran untok menyediakan satu2 bahan atau projek2 pameran. Projek2 serupa ini sudah tentu ada kaitan-nya dengan mata2 pelajaran dan sukatan pelajaran. Kadang2 bahan2 atau projek2 yang di-sediakan itu merupakan kerja2 mengulangkaji keseluruhan aspek satu2 mata pelajaran yang telah mereka pelajari. Dengan chara ini mata2 pelajaran yang di-ajar di-bilek2 darjah itu tidak lagi merupakan satu bentuk 'parrot-teaching' — tetapi pelajaran2 itu di-sampaikan dengan chara hidup dan di-beri pengertian yang sapenoh2-nya.

8. Pengajaran yang berkesan tidak dapat di-perolehi dengan chara guru2 sahaja menchurahkan isi2 pelajaran tanpa menentukan penerimaan-nya. Pengertian hanya di-chapai sapenoh2-nya melalui buatan. Apa yang dapat mereka lihat, teliti amati dan buat sendiri itu akan meninggalkan kesan yang lebeh kukoh dan kekal kapada fahaman mereka. Dalam usaha menyediakan satu2 projek

untuk satu2 pameran atau expo itu tadi maka aspek2 penerimaan pengetahuan dengan penuh pengertian itu dapat di-laksanakan.

9. Ibu bapa dan masharakat perlu mengetahui akan hakikat dan tujuan2 aktibiti2 yang sering diadakan ini sabenar-nya. Pengertian terhadap proses2 pelajaran sa-rupa ini merupakan pembaharuan yang akan membawa kepada pembentokan warga negara yang dinamik dan maju. Kementerian Pelajaran mengharapakan ibu2 bapa akan lebeh2 memahami segala usaha yang kami jalankan dan di-harap sentiasa memberi sokongan yang erat bagi menjayakan segala ranchangan yang telah di-atorkan.

10. Sekarang suka saya menyentoh mengenai ranchangan pembangunan pelajaran di-negeri Pulau Pinang yang akan di-laksanakan dalam tahun 1972. Ia-itu Kementerian Pelajaran telah meluluskan peruntokan wang sa-jumlah lebeh kurang \$3.33 juta untuk membena

beberapa buah bilek darjah untok sekolah2 rendah, menengah dan juga asrama. Mengenai perbelanjaan sekolah2 rendah ia-itu Kementerian Pelajaran akan membena 38 buah bilek darjah yang di-jangka menelan belanja \$498,000. Sementara itu, untok sekolah menengah pula Kementerian Pelajaran akan membena 45 bilek darjah, 34 ma'mal sains, 2 ma'mal sains urusan rumah tangga dan 8 bengkel seni perusahaan. Perbelanjaan projek ini ia-lah \$2,570,000 dari jumlah itu termasuk-lah pembenaan 2 buah sekolah, sabuah di-Kepala Batas dan sabuah lagi sekolah berasrama penuh di-Bukit Mertajam. Selain daripada itu, untok memberi kemudahan kepada anak2 kita yang tinggal di-kampung2 mendapatkan tempat tinggal dan belajar di-bandar2, maka Kementerian Pelajaran akan membena 2 buah asrama atau pun menambah asrama yang ada ia-itu, satu untok Sekolah Menengah Penang Free dan kedua, Sekolah Menengah St. George's, kedua2 projek membena

asrama ini menelan belanja \$260,000. Dengan adanya peruntukan yang begitu banyak untuk negeri Pulau Pinang sahaja untuk tahun 1972, membuktikan Kerajaan memang mengambil berat terhadap kemajuan dan perkembangan pelajaran anak2 kita.

11. Oleh hal yang demikian, terserah-lah kepada anak2 menggunakan kemudahan yang ada itu untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan di-samping itu di-harap ibu bapa akan memberikan galakan supaya anak2 belajar bersungguh2 dan menjadi warga negara yang berguna kepada masyarakat dan bangsa-nya pada masa yang akan datang. Kepada guru2 juga saya berharap mereka akan menumpukan segala didekasi mereka kepada pengajaran anak2 kita yang dahagakan ilmu pengetahuan.

12. Saya berharap dengan perasmian bangunan sekolah ini pada hari ini membuktikan usaha Kementerian Pelajaran menuju kepada perubahan dan pembaharuan dalam sistem pelajaran dan dengan ini kita berharap dapat memenohi hasrat dan chita2 bangsa dan negara.

... dengan ...
 ... untuk negeri Pulau
 ... tahun 1972, ...
 ... dan perkembangan
 ... kita.

II. Oleh hal yang demikian, ...
 ... untuk ...
 ... dan di-amping
 ... akan ...
 ... dan menjadi warga negara
 ... dan bangsa-nya pada
 ... juga ...



No. Siri 109
 No. Penerimaan 109/80